

mengenai dengan mu'minaat (orang-orang perempuan mu'min) langsung. Maka tidak adalah keperluan kepada gelaran seperti itu untuk mereka. Al-Qurthubi, Hafiz Ibnu Hajar dan kebanyakan ahli tafsir berpendapat, boleh. Alasan mereka ialah kata-kata Ummu Salamah: **أَنَا أُمُّ الرَّجَالِ مِنْكُمْ وَالنِّسَاءِ** (aku ibu kepada orang-orang lelaki dan orang-orang perempuan di kalangan kamu). (Atsar riwayat Ibnu Sa'ad). Kewajipan menghormati dan berbuat baik kepada isteri-isteri Rasulullah s.a.w. sebagai ibu bukan terhad kepada orang-orang lelaki mu'min sahaja, malah ia juga merangkumi orang-orang perempuan mu'min. Sebenarnya punca utama yang membawa kepada perbedaan pendapat para 'ulama' dalam masalah ini ialah perbedaan pendapat mereka tentang khithaab (firman Allah yang ditujukan) kepada lelaki adakah ia merangkumi orang-orang perempuan juga atau tidak. Bagi golongan pertama, tidak. Bagi golongan kedua pula, bahkan merangkumi kedua-duanya, selagi tidak ada dalil yang mengkhususkan jantina tertentu. **Kalau isteri-isteri Rasulullah s.a.w.** dipanggil Ummul Mu'minin, bolehkah pula Rasulullah s.a.w. dipanggil Abul Mu'minin? Para ulama juga berbeda pendapat berhubung dengan boleh atau tidak gelaran ini digunakan untuk Rasulullah s.a.w. Abu Ishaq al-Isfiraini berpendapat, tidak boleh. Kita hanya boleh berkata: "Dia (Rasulullah s.a.w.) seperti atau macam ayah kita." Alasannya ialah di dalam al-Qur'an tersebut dengan jelas firman Allah ini:

Bermaksud: Bukanlah (Nabi) Muhammad itu (dengan sebab ada anak angkatnya) menjadi bapa (yang sebenar) bagi seseorang lelaki di antara kamu, tetapi dia adalah Rasul Allah (pesuruh Allah) dan penyudah sekalian nabi. Dan (ingatlah) sesungguhnya Allah Maha mengetahui tentang segala sesuatu. (al-Ahzaab:40). Ayat ini zahirnya menafikan Rasulullah s.a.w. sebagai bapa orang-orang mu'min. Hadits Abu Hurairah berikut juga dijadikan dalil oleh golongan ini. Kata Abu Hurairah r.a. Rasulullah s.a.w. bersabda: **إِنَّمَا أَنَا لَكُمْ بِمَثَلِ الْوَالِدِ أَعْلَمُكُمْ فَإِذَا أَتَى أَحَدَكُمْ الْغَائِطُ فَلَا يَسْتَقْبِلْ الْقِبْلَةَ وَلَا يَسْتَذِيرُهَا وَلَا يَسْتَتِبْ بِيَمِينِهِ** Bermaksud: “Sesungguhnya aku bagi kamu seperti ayah. Aku hendak mengajar kamu. Apabila seseorang daripada kamu pergi ke tempat membuang air, janganlah dia menghadap qiblat dan membelakanginya. Jangan juga dia membersihkan najis menggunakan tangan kanannya.” (Hadits riwayat Ahmad, Abu Daud, an-Nasaa'i, Ibnu Majah, Ibnu Hibbaan dan Abu `Awaanah). Namun kebanyakan `ulama' mengatakan boleh. Ibnu `Abbaas, Ubai bin Ka'ab, Mu'aawiah dan lain-lain sahabat dilaporkan menyebut **وهو أب لهم النبي أولى بالمؤمنين من أنفسهم وأزواجه أمهاتهم** sebagai tafsiran, sehabis mereka membaca firman Allah ini: Bermaksud: “Nabi itu (hendaknya) lebih utama bagi orang-orang mu'min dari diri mereka sendiri dan isteri-isterinya adalah ibu-ibu mereka....” (al-Ahzaab:6). Berhubung dengan ayat Surah al-Ahzaab tadi yang zahirnya menafikan Rasulullah s.a.w. sebagai bapa orang-orang mu'min, mereka ta'wilkannya dengan bapa sebenar atau bapa darah daging. Ia tidak menafikan kebapaan Baginda s.a.w. secara mutlaq. Itulah sebabnya Rasulullah s.a.w. sendiri menyabitkan kebapaannya bagi orang-orang mu'min dari satu sudut yang lain di dalam sabda Baginda tadi.

Islam dengan baik. Dalam peristiwa perang Hunain, Nabi s.a.w. mengurniakan seratus ekor unta kepadanya. Al-Haarits bin Hisyaam r.a. telah mati syahid dalam peperangan Yarmuk pada tahun 15H yang berlaku di zaman pemerintahan Saiyyidina `Umar.

¹¹ Adakah hadits ini termasuk dalam masaanid (hadits-hadits yang diriwayatkan dengan isnad yang lengkap daripada) `Aaishah atau masaanid (hadits-hadits yang diriwayatkan dengan isnad yang lengkap daripada) al-Haarits bin Hisyaam? Ada dua pendapat `ulama' tentangnya. (1) `Aaishah juga ada bersama, ketika al-Haarits bin Hisyaam bertanya Rasulullah s.a.w. Beliau telah mendengar sendiri jawapan Baginda s.a.w. yang diberikan kepada al-Haarits itu. Makanya riwayat ini akan dibilang sebagai masaanid `Aaishah. Inilah pendapat pengarang-pengarang kitab-kitab Athraaf. (2) `Aaishah tidak ada bersama ketika al-Haarits bin Hisyaam bertanya Rasulullah s.a.w. Beliau mendapat hadits ini melalui al-Haarits. Dengan itu hadits ini harus dibilang sebagai masaanid al-Haarits bin Hisyaam. Dalam keadaan ini riwayat `Aaishah merupakan mursal shahabi. Menurut jumhur `ulama', mursal seperti ini dianggap sebagai hadits maushul (bersambung sanadnya) juga. Antara bukti yang menyokong pendapat kedua ini ialah adanya riwayat di dalam Musnad Ahmad, Mu`jam al-Baghawi dan lain-lain daripada `Aamir bin Saleh. Di dalam isnad itu tersebut dengan jelas Saiyyidatina `Aaishah telah meriwayatkan hadits ini daripada al-Haarits bin Hisyaam. Walaupun `Aamir bin Saleh seorang perawi yang lemah, Hafiz Ibnu Hajar berkata, beliau mempunyai mutaabi'. Biar apa pun, hadits ini telah masyhur sebagai masaanid `Aaishah r.a. **Pertanyaan al-Haarits bin Hisyaam r.a.** ini bukan kerana beliau tidak yakin atau syak tentang kedatangan wahyu kepada Rasulullah s.a.w. Pertanyaan itu didorong oleh perasaan ingin sangat mengetahui kaifiat datangnya wahyu kepada Baginda s.a.w. Keadaannya samalah dengan Nabi Ibrahim a.s. yang bertanya Allah tentang kaifiat Allah menghidupkan semula orang yang telah mati. Nabi Ibrahim a.s. adalah pesuruh Allah yang terpilih sebagai salah seorang Ulil `Azmi (yang mempunyai ke`azaman dan ketabahan hati) dan Baginda a.s. merupakan bapa kepada sekian ramai rasul sesudahnya. Nabi kita Muhammad s.a.w. juga bahkan diperintah Allah supaya mengikut millah (agama) Baginda a.s., mustahil Ibrahim meragui kekuasaan Allah. Nabi Ibrahim a.s. sebenarnya yakin penuh terhadap kekuasaan Allah, apa yang dimintanya hanyalah Allah menunjukkan kepadanya kaifiat menghidupkan orang yang telah mati, semata-mata atas dorongan perasaan ingin tahunya yang luar biasa. Perbuatan seperti itu tidak salah di sisi agama Islam. Kerana itulah Allah memenuhi permintaan Ibrahim dan Rasulullah s.a.w. juga memenuhi permintaan al-Haarits bin Hisyaam r.a. tanpa sebarang teguran dan bantahan. Bezanya ialah Nabi Ibrahim telah bertanya Allah tentang kaifiat Allah melaksanakan kekuasaanNya. Al-Haarits bin bin Hisyaam pula bertanya tentang kaifiat kedatangan wahyu kepada Rasulullah s.a.w. Sebagaimana Allah mengisahkan dialog yang telah berlaku di antaraNya dengan Ibrahim yang meminta agar Allah menunjukkan kepadanya kaifiat menghidupkan orang-orang yang telah mati dengan penuh mesra menerusi firmanNya ini:

وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ رَبِّ أَرِنِي كَيْفَ تُحْيِي الْمَوْتَى قَالَ أُولَئِكَ ثُبُورٌ قَالَ بَلَىٰ وَلَٰكِنْ لِّيَطْمَئِنَّ قَلْبِي قَالَ فَخُذْ أَرْبَعَةً مِّنَ الطَّيْرِ فَصُرْهُنَّ إِلَيْكَ ثُمَّ أَجْلَلَ عَلَىٰ كُلِّ جَبَلٍ مِّنْهُنَّ جُزْءًا ثُمَّ أَدْعُهُنَّ يَأْتِينَكَ سَعْيًا وَأَعْلَمَ أَنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ٢٦

Bermaksud: dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim berkata: “Wahai Tuhanku! Perlihatkanlah kepadaku Bagaimana Engkau menghidupkan orang-orang telah mati?” Allah berfirman: “Adakah

Engkau belum percaya (kepada kekuasaanku)?" Ibrahim menjawab: "Bahkan (aku percaya dan yakin), akan tetapi (aku memohon yang demikian ialah) supaya tenteram hatiku (yang amat ingin menyaksikannya)". Allah berfirman: "(Kalau demikian), ambilah empat ekor burung, lalu cincanglah semuanya. Setelah itu letakkanlah di atas tiap-tiap sebuah bukit sebahagian daripadanya, kemudian serulah burung-burung itu, niscaya semuanya akan datang kepadamu dengan segera." dan ketahuilah sesungguhnya Allah Maha Perkasa, lagi Maha Bijaksana. (al-Baqarah:260), begitulah juga Rasulullah s.a.w. setelah ditanya al-Haarits Bin Hisyaam r.a. tentang cara kedatangan wahyu kepada Baginda, menceritakan kepadanya dengan penuh mesra menerusi hadits di atas. Seseorang yang telah yakin penuh tentang kewujudan Mekah dan Madinah berdasarkan cerita-cerita yang mutawatir, lalu timbul keinginan yang memuncak di dalam jiwanya untuk mengetahui bahkan kalau boleh melihat sendiri kedua-dua bandar itu, berkemungkinan akan bertanya dan meminta sesiapa sahaja yang ditemuinya agar menggambarkan kepadanya keadaan Mekah dan Madinah itu. Pertanyaan orang seperti ini tentu sekali bukan kerana dia tidak percaya kepada kewujudan Mekah dan Madinah, malah kerana percaya kepada kewujudan kedua-duanyalah maka timbul keinginan yang memuncak di dalam dirinya untuk bertanya tentang keadaannya.

¹² Sekiranya pertanyaan Haarits Bin Hisyaam r.a. di dalam hadits ini diperhatikan, anda akan dapati persoalan yang beliau ajukan tidak merujuk kepada peristiwa permulaan penurunan wahyu. Sedangkan tajuk bab bagi hadits ini ialah '**Bagaimana Permulaan Wahyu**' yang nyata tidak sepadan dan tidak tepat dengannya. Lalu bagaimanakah caranya Imam Bukhari memadankan hadits ini dengan tajuknya itu? Sebenarnya jawapan kepada persoalan tersebut sudah terdapat di dalam jawapan Baginda s.a.w. iaitu: "Kadang-kadang ia datang kepadaku seperti gemercing loceng, itulah (cara kedatangan wahyu) yang paling berat bagiku. Kedatangan wahyu selesai dalam keadaan aku telah ingat apa-apa yang disampaikan (malaikat). Kadang-kadang Malaikat itu menjelma sebagai seorang lelaki, lalu dia bercakap-cakap denganku dan aku pula mengingati apa yang diucapkannya." Walaupun di dalam jawapan Baginda tersebut juga tidak mengandungi perkataan permulaan atau perkataan yang seerti dengannya, tetapi tetap boleh difahami daripadanya bahawa Rasulullah s.a.w. telah mengalami situasi dan pengalaman yang sama seperti Baginda s.a.w. menerima wahyu pertama. Ini boleh dilihat daripada kenyataan 'Aaishah r.a. seterusnya apabila beliau berkata: "Sesungguhnya aku pernah melihat Baginda s.a.w. ketika turun wahyu pada hari yang sangat sejuk. Sebaik sahaja selesai kedatangan wahyu itu, dahi Baginda s.a.w. benar-benar memercikkan peluh." Kerana kalaulah kenyataan 'Aaishah tersebut menggambarkan situasi Nabi s.a.w. ketika menerima wahyu-wahyu yang kemudian, sudah tentulah situasi yang dialami oleh Baginda s.a.w. semasa menerima wahyu pertama Baginda tidak kurang hebatnya, malah mungkin lebih hebat lagi. Bukankah 'Aaishah hidup bersama Rasulullah s.a.w. setelah Baginda s.a.w. berhijrah ke Madinah? Itulah logik yang ingin dikaitkan oleh Imam Bukhari di sini. Iaitu jika seseorang masih berasa berat menanggung sesuatu perkara atau sesuatu pengalaman yang sudah biasa ditempohinya, sudah tentulah pengalaman yang pertama bagi keadaan tersebut lebih berat lagi atau sekurang-kurangnya sama berat dengan yang dialaminya kemudian. **Jika dilihat kepada bahagian** pertama jawapan Rasulullah s.a.w. terhadap soalan yang dikemukakan oleh al-Haarits Bin Hisyaam r.a., ia pada zahirnya menampakkan seolah-olahnya al-Haarits bertanya Baginda s.a.w. tentang kaifiat kedatangan wahyu itu sendiri. Beliau tidak bertanya tentang kaifiat wahyu yang mula-mula diterima Baginda

s.a.w. atau tentang pembawa wahyu. Cuba lihat jawapan Rasulullah s.a.w. ini: **أَحْيَانًا يَأْتِينِي مِثْلُ صَلَٰصِلَةِ الْجَرَسِ** (kadang-kadang ia (wahyu) datang kepadaku seperti gemercing loceng). Riwayat yang terdapat di dalam **كتاب بدء الخلق** di bawah **ذكر الملائكة** juga menyokong apa yang kelihatan secara zahir itu. Di situ juga apabila al-Haarits bertanya **كيف يأتيك الوحي؟** (Bagaimanakah wahyu datang kepadamu?) Baginda s.a.w. menjawab: **كُلُّ ذَلِكَ يَأْتِينِي الْمَلَكُ أَحْيَانًا فِي مِثْلِ صَلَٰصِلَةِ الْجَرَسِ** (Semuanya dengan malaikat datang kepadaku. Kadang-kadang ia datang seperti gemercing loceng). Daripada bahagian kedua jawapan Rasulullah s.a.w. pula kelihatan seolah-olahnya al-Haarits bertanyakan tentang kaifiat pembawa wahyu. Cuba lihat teks bahagian kedua jawapan Baginda s.a.w. **أَحْيَانًا يَتَمَثَّلُ لِي الْمَلِكُ رَجُلًا** (Kadang-kadang Malaikat itu menjelma sebagai seorang lelaki). Kemusykilan yang timbul sekarang ialah Kaifiat apakah sebenarnya yang dimaksudkan oleh al-Haarits bin Hisyaam dengan pertanyaannya itu? Jawapan kepada kemusykilan tersebut ialah jika kita mengandaikan soalan al-Haarits bin Hisyaam adalah berkenaan dengan kaifiat kedatangan wahyu itu sendiri, maka jawapan Rasulullah s.a.w. melalui dua bahagian yang disebutkan tadi bermaksud menyatakan bahawa; wahyu itu kadang-kadang datang kepadaku dalam bentuk yang tidak difahami langsung di peringkat permulaannya. Ia bagaikan bunyi gemercing loceng sahaja. Kadang-kadang pula ia difahami sejak awal lagi, seperti seseorang yang bercakap dengan manusia yang sama jenis dengannya. Dan jika kita mengandaikan soalan al-Haarits bin Hisyaam di dalam hadits di atas berkenaan dengan kaifiat pembawa wahyu, maka kedua-dua bahagian jawapan Rasulullah s.a.w. itu bermaksud menyatakan bahawa; malaikat pembawa wahyu itu kadang-kadang datang dalam rupa bentuk yang luar biasa. Keadaan itu digambarkan oleh Rasulullah s.a.w. dengan kata Baginda **مِثْلُ صَلَٰصِلَةِ الْجَرَسِ**. Sebabnya ialah memahami dan menyimpulkan sesuatu daripada bunyi seperti gemercing loceng memanglah suatu cara yang luar biasa. Kadang-kadang pula malaikat pembawa wahyu itu datang dalam rupa yang biasa, iaitu rupa manusia. Keadaan ini digambarkan oleh Rasulullah s.a.w. dengan kata Baginda **وَأَحْيَانًا يَتَمَثَّلُ لِي الْمَلِكُ رَجُلًا**. Mungkin juga al-Haarits bin Hisyaam memaksudkan kedua-dua kaifiat tadi dengan pertanyaannya **كيف يأتيك الوحي؟**. Kalau begitu patut sekalilah Rasulullah s.a.w. membahagikan jawapannya kepada dua bahagian. Yang pertamanya berkenaan dengan kaifiat kedatangan wahyu dan yang keduanya pula berkenaan dengan kaifiat pembawa wahyu. Bagi penulis, berpandukan jawapan Rasulullah s.a.w. yang dapat dibahagikan kepada dua bahagian itu, Rasulullah s.a.w. sebenarnya menceritakan tentang kaifiat pembawa wahyu. Seolah-olahnya itulah yang difahami Baginda s.a.w. daripada pertanyaan al-Haarits bin Hisyaam **كيف يأتيك الوحي؟**. Apa yang difahami Rasulullah s.a.w. itu seharusnya diterima sebagai benar, kerana al-Haarits bin Hisyaam tidak membetulkan apa yang difahami Rasulullah s.a.w. tadi jika ia tersalah. Riwayat di dalam **كتاب بدء الخلق** di bawah **ذكر الملائكة** adalah penentu kepada kaifiat apa yang ditanyakan oleh al-Haarits bin Hisyaam. Jika diperhatikan dengan saksama, niscaya kaifiat pembawa wahyulah yang dimaksudkan oleh Nabi s.a.w. bukan kaifiat wahyu itu sendiri. Cuba perhatikan jawapan penuh Rasulullah s.a.w. di bawah bab itu sekali lagi: **حَدَّثَنَا فَرُوءٌ حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ مُسْهِرٍ عَنْ هِشَامِ بْنِ هِشَامٍ قَالَ قَالَ كِلْتُ ذَلِكَ عُرْوَةَ عَنْ أَبِيهِ عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّ الْخَارِثَ بْنَ هِشَامٍ سَأَلَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَيْفَ يَأْتِيكَ الْوَحْيُ قَالَ كُلُّ ذَلِكَ يَأْتِينِي الْمَلَكُ أَحْيَانًا فِي مِثْلِ صَلَٰصِلَةِ الْجَرَسِ فَيَقْصِمُ عَلَيَّ وَقَدْ وَعَيْتُ مَا قَالَ وَهُوَ أَشَدُّهُ عَلَيَّ وَيَتَمَثَّلُ لِي الْمَلِكُ أَحْيَانًا رَجُلًا** Bermaksud: 'Aaishah meriwayatkan, katanya: Al-Haarits bin Hisyaam pernah bertanya Nabi s.a.w. Bagaimanakah wahyu datang kepadamu? Jawab Nabi s.a.w.: "Semuanya dengan malaikat datang kepadaku. Kadang-kadang malaikat datang kepadaku seperti gemercing loceng. Aku telah ingat apa-apa yang disampaikannya (malaikat) sebaik saja kedatangannya

s.a.w. menjawab; “Kadang-kadang ia datang kepadaku seperti gemercing loceng, itulah (cara kedatangan wahyu) yang paling berat bagiku.”¹³ Kedatangan wahyu selesai dalam

selesai. Itulah (cara kedatangan malaikat) yang paling berat bagiku. Malaikat itu kadang-kadang menjelma sebagai seorang lelaki, lalu dia bercakap-cakap denganku dan aku pula mengingat apa yang diucapkannya. Maka bunyi seperti gemercing loceng itu sepatutnya tidak dianggap sebagai wahyu itu sendiri atau suara Allah, walaupun yang tidak menyerupai mana-mana suara makhluk. Apa yang kedengaran kepada Rasulullah s.a.w. itu sebenarnya tidak lebih daripada bunyi kedatangan Jibra’il sahaja.

¹³ **Cara Penyampaian Dan Penerimaan Wahyu.** Al-Halimi (Abu ‘Abdillah a-Husain bin al-Hasan bin Muhammad bin Halim. Seorang faqih Syafi’i. m.403H) menyebutkan bahawa wahyu yang diterima Rasulullah s.a.w. itu datangnya dalam empat puluh enam bentuk semuanya. Demikianlah nukil Hafiz Ibnu Hajar. Hafiz Ibnu Hajar kemudiannya mengulas dengan berkata: “Kebanyakan yang disebut al-Halimi itu adalah berkenaan dengan sifat-sifat pembawa wahyu.” Menurut as-Suhaili (Abu al-Qasim ‘Abdur Rahman bin ‘Abdillah m.581H), penurunan atau penyampaian wahyu kepada Nabi s.a.w. berlaku menerusi tujuh cara berikut: (1) الوحي المنامي iaitu wahyu yang datang di dalam mimpi Nabi s.a.w. Kata-kata ‘Aaishah bahawa: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنَ الْوَحْيِ الرُّؤْيَا الصَّالِحَةُ فِي النَّوْمِ (Wahyu yang mula-mula diberikan kepada Rasulullah ialah berupa mimpi yang baik) di permulaan hadits ketiga nanti adalah salah satu contohnya. Wahyu seperti ini tidak khusus dengan nabi kita Muhammad s.a.w. sahaja, nabi-nabi yang lain juga mengalaminya. Antaranya ialah apa yang diceritakan oleh Allah tentang Nabi Ibrahim a.s. di dalam firmanNya ini:

فَلَمَّا بَلَغَ مَعَهُ السَّعْيَ قَالَ يَبْنَؤُ إِنِّي أَرَى فِي الْمَنَامِ أَنِّي أَذْخِلُكَ فَأَنْظُرُ مَاذَا تَرَى ۖ قَالَ يَتَأْتٍ أَفْعَلُ مَا تُؤْمَرُ سَتَجِدُنِي إِن شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّابِرِينَ

Bermaksud: Maka ketika anaknya itu sampai (ke peringkat umur yang membolehkan dia) berusaha bersama-sama dengannya, dia (Nabi Ibrahim a.s.) berkata: “Wahai anak kesayanganku! Sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku akan menyembelihmu; maka fikirkanlah apa pendapatmu?”. Anaknya menjawab: “Wahai ayah, jalankanlah apa yang diperintahkan kepadamu; insya Allah, ayah akan mendapati daku termasuk orang-orang yang sabar”. (as-Shaaffaat:102). Dua dalil ini menunjukkan para nabi a.s. itu mendapat wahyu berupa mimpi ketika tidur sama seperti mereka menerimanya pada ketika jaga. (2) النفث في الروح, iaitu wahyu yang ditiupkan ke dalam ruh atau jiwa Nabi s.a.w. Antara dalilnya ialah sabda Rasulullah s.a.w. ini: إِنَّ رُوحَ الْقُدُسِ نَفَثَ فِي رُوعِي أَنْ نَفْسًا لَنْ تَمُوتَ حَتَّى تَسْتَكْمَلَ أَجْلُهَا وَتَسْتَوْعِبَ رِزْقَهَا فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَجْمِلُوا فِي الطَّلَبِ وَلَا يَحْمِلُنْ أَحَدُكُمْ اسْتِبْطَاءَ الرِّزْقِ أَنْ يَطْلِبَهُ بِمَعْصِيَةِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ تَعَالَى لَا يَنْالُ مَا عِنْدَهُ إِلَّا بِطَاعَتِهِ Bermaksud: Sesungguhnya Ruh al-Qudus telah meniup (mencampak) ke dalam jiwaku bahawa seseorang manusia tidak akan mati sebelum sampai ajalnya dan sebelum ia menghabiskan rezekinya. Oleh itu bertaqwalah kamu kepada Allah dan mintalah dengan baik. Janganlah sekali-kali kelambatan datangnya rezeki, mendorong seseorang daripada kamu menuntutnya dengan cara melakukan ma’shiat. Kerana sesungguhnya apa yang ada pada Allah itu tidak dapat diperolehi melainkan dengan ta’at kepadaNya. (Hadits sahih riwayat Abu Nu’aim di dalam al-Hilyah, al-Qudha’i di dalam Musnad asy-Syihaab, al-Bazzaar, Ibnu Abi Syaibah dan Baihaqi di dalam Syu’ab al-Iman). Kebanyakan ahli Tafsir mentafsirkan perkataan وَحْيًا di dalam ayat 51 Surah as-Syura ini: وَمَا كَانَ